

'Penjawat awam perlu berani beri nasihat betul'

B/HARIAN MS 4

31/10/18

Putrajaya: Anggota perkhidmatan awam, termasuk pegawai tadbir dan diplomatik (PTD), perlu berani tampil serta memberikan nasihat betul apabila berlaku suatu perkara membabitkan konflik kepimpinan.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar, menegaskan keupayaan itu penting bagi memastikan tugas dapat dijalankan dengan amanah.

Beliau berkata, budaya kerja berdisiplin tinggi adalah penting bagi meningkatkan keyakinan diri menghadapi cabaran.

"Jika perkara itu betul, katakan 'ya' dan kalau salah, kita perlu berani membetulkannya. Kita sebagai anggota perkhidmatan awam memikul tanggungjawab besar dalam memastikan segala urusan kerajaan berpandukan luan undang-undang.

"Dalam apa juga tugas, adalah

penting untuk melaksanakannya dengan penuh taat, beramanah dan berintegriti, serta jangan sekali mengutamakan kepentingan diri atau pihak tertentu.

"Pastikan semua urusan kerajaan berjalan atas prinsip pemisahan kuasa, dan ini bermakna segala tindakan atau keputusan diambil haruslah berpandukan peraturan yang sudah digubal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Istiadat Penganugerahan Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) dan Felo Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Kembalikan 'Harimau Asia'

Ismail berkata, kepelbagaian dan kompleksiti bidang tugas PTD

menjadikan pegawai berkenaan sebagai tulang belakang jentera pentadbiran yang bukan sahaja berfungsi sebagai *think-tank* tetapi juga penasihat kepada kerajaan.

"PTD adalah pemikir, perancang dan pelaksana yang terbabit secara langsung dalam pembangunan negara. Peranan ini perlu diteruskan agar skim PTD terus kekal relevan pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sektor perkhidmatan awam yang cemerlang akan mendukung pembangunan semula Malaysia, sekaligus kembali menjadikannya 'Harimau Asia'.

Justeru, katanya, semua penjawat awam bertanggungjawab menyahut cabaran itu dan bersedia membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia pulih serta menjadi 'Harimau Asia' semula.

[FOTO BERNAMA]



Ismail (kiri) menyampaikan Anugerah Khas Ketua Setiausaha Negara (Kepimpinan Terbaik) kepada Zulfadli Zakaria pada Istiadat Penganugerahan DPA dan INTAN JPA, di Putrajaya, semalam.